

# 2

## KEMENTERIAN EKONOMI

- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur
  - Pengurusan Projek dan Program di Bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)



---

# KEMENTERIAN EKONOMI

## MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

### 1. PENGURUSAN PROJEK DAN PROGRAM DI BAWAH WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)

---

#### ABSTRAK

*Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) ditubuhkan pada 13 Jun 2008 sebagai sebuah agensi Persekutuan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [Akta 688].*

*ECERDC berfungsi untuk memudah cara pembangunan wilayah menerusi kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek strategik, berimpak tinggi dan pemangkin untuk mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).*

*Pengauditan tertumpu kepada projek dan program yang dilaksanakan di Wilayah ECER berdasarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hingga RMKe-12 serta Pelan Induk ECER (EMP) yang bermula pada tahun 2008 sehingga 31 Disember 2022.*

*Pengauditan bertujuan menilai sama ada pengurusan projek dan program ECERDC dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan bagi merapatkan jurang sosioekonomi antara penduduk negeri Pantai Timur dan Pantai Barat dengan mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan pendapatan penduduk di negeri Pantai Timur.*

*Secara umumnya, didapati lebih 90% sasaran prestasi projek dan program yang dirancang dalam RMKe-9 hingga RMKe-12 telah dilaksana oleh ECERDC. Namun, sasaran prestasi melibatkan pelaburan direalisasi, peluang pekerjaan dan bilangan usahawan seperti yang dinyatakan dalam EMP 1.0 tidak tercapai.*

*Manakala pencapaian sebenar bagi EMP 2.0 masih belum boleh dinilai kerana tempoh pelaksanaannya bermula pada tahun 2018 hingga 2025. Pengukuran pencapaian objektif projek dan program pula tidak dibuat kerana ECERDC tiada kaedah pengukuran bagi mengenalpasti kadar kemiskinan dan pendapatan penduduk di Wilayah ECER.*

*Terdapat kelemahan terhadap pengurusan projek iaitu plot-plot perindustrian tidak diisi. Selain itu, terdapat infrastruktur projek telah siap tetapi tidak digunakan dan rosak.*

#### 1. LATAR BELAKANG


- 1.1. Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) terdiri daripada negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang serta daerah Mersing dan Segamat di Johor. Tujuh Kawasan Pembangunan Utama (KDA) atau Nod merangkumi 32 daerah di Wilayah ECER telah diwujudkan bagi memastikan pembangunan yang bertumpu dan optimum di ECER.

1.2. Projek dan program di Wilayah ECER telah dilaksanakan di bawah RMKe-9 hingga RMKe-12 serta Pelan Induk ECER (EMP). Tempoh EMP 1.0 adalah dari tahun 2008 hingga 2017 manakala EMP 2.0 adalah dari tahun 2018 hingga 2025.

1.3. Terdapat lima kluster di bawah EMP 1.0 iaitu pembangunan modal insan, pembuatan, perniagaan tani, pelancongan serta minyak, gas dan petrokimia. Manakala EMP 2.0 merangkumi enam kluster iaitu pembangunan modal insan, pembuatan, perniagaan tani, logistik dan perkhidmatan, pelancongan serta minyak, gas dan petrokimia.

1.4. Sebanyak tiga program di bawah kluster pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh ECERDC iaitu Program Pembangunan Modal Insan (Empower ECER), Program Pembangunan Usahawan (Entrepreneur ECER) dan Program Pemerksaan Graduan (ETEP ECER). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 1**.


**RAJAH 1  
KLUSTER PELAN INDUK ECER (EMP)**



Sumber: ECERDC

1.5. Sehingga 31 Disember 2022, ECERDC telah merancang dan melaksana sebanyak 109 projek dan program dibawah RMKe-9 hingga RMKe-12 dengan kos keseluruhan berjumlah RM8.015 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 2**.

**RAJAH 2**  
**PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK SERTA PROGRAM MENGIKUT  
PELAN INDUK ECER DAN RMKe-9 HINGGA RMKe-12**



Sumber: ECERDC

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek dan program ECERDC di Wilayah ECER dirancang dan dilaksana secara ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Objektif projek dan program adalah bagi merapatkan jurang sosioekonomi antara penduduk negeri Pantai Timur dan Pantai Barat dengan mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan pendapatan penduduk di negeri Pantai Timur.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan terhadap projek dan program di Wilayah ECER yang dilaksanakan oleh ECERDC di bawah RMKe-9 hingga RMKe-12 iaitu bermula tahun 2008 sehingga 31 Disember 2022. Ia melibatkan 109 projek dan program dengan kos keseluruhan berjumlah RM8.015 bilion.

3.2. Bagi tujuan pengauditan, sebanyak 17 sampel dipilih daripada 109 projek dan program merangkumi 16 projek dengan kos berjumlah RM3.542 bilion dan satu program dengan kos berjumlah RM69.20 juta. Asas pemilihan sampel projek adalah berdasarkan beberapa faktor antaranya kos projek yang tinggi, projek yang berisiko, projek dalam pelaksanaan dan lokasi projek. Sampel yang dipilih melibatkan tiga kluster iaitu perniagaan tani, logistik dan perkhidmatan serta pembuatan di tiga negeri dalam Wilayah ECER (Pahang, Kelantan dan Terengganu). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SAMPEL PENGAUDITAN**  
**PROJEK DI BAWAH RMKe-9 HINGGA RMKe-12 MENGIKUT KLUSTER**

<b>BIL.</b>	<b>KLUSTER</b>	<b>RMK</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BIL. PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK</b>	
					<b>(RM Juta)</b>	<b>%</b>
1.	Perniagaan Tani	9, 10 dan 11	Pahang, Kelantan dan Terengganu	9	1,080.12	30.5
2.	Logistik dan Perkhidmatan	9, 10, 11 dan 12	Pahang dan Kelantan	4	1,554.67	43.9
3.	Pembuatan		Pahang, Kelantan dan Terengganu	3	906.83	25.6
<b>JUMLAH</b>				<b>16</b>	<b>3,541.62</b>	<b>100</b>

Sumber: Senarai Projek-projek ECER di Bawah RMKe-9, RMKe-10, RMKe-11 dan RMKe-12 sehingga 31 Disember 2022 (Jadual 3)

3.3. Bagi sampel program pula, Program Empower ECER di bawah kluster pembangunan modal insan telah dipilih. Program Empower melibatkan 20 perjanjian program di bawah RMKe-10 hingga RMKe-11. Sebanyak enam penyedia perkhidmatan terlibat iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia (PKSM).

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen di ECERDC dan agensi berkaitan seperti Bahagian Pembangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Selain itu, analisis terhadap data pelaburan ECERDC juga turut dilaksanakan. Pemeriksaan fizikal Audit dan temu bual serta perbincangan telah dijalankan bersama pegawai ECERDC dan *Project Management Consultant* (PMC).

#### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Januari sehingga Jun 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 19 Disember 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

## 5.1. Pencapaian Prestasi Projek dan Program

Pencapaian prestasi dinilai berdasarkan pelaksanaan projek dan program oleh ECERDC yang telah dirancang. Semakan Audit terhadap aspek pencapaian prestasi keseluruhan serta sampel projek dan program mendapatkan perkara berikut:

### 5.1.1. Pencapaian Prestasi Keseluruhan Projek dan Program

- a. Di bawah RMKe-9 hingga RMKe-12, sebanyak 109 projek dan program telah dirancang di Wilayah ECER. Analisis Audit terhadap pencapaian keseluruhan projek dan program sehingga 31 Disember 2022 mendapatkan perkara berikut:
  - i. Sebanyak 99 (90.8%) projek dan program telah diteruskan manakala **baki 10 (9.2%) projek dan program tidak dilaksanakan.** Daripada 99 projek dan program yang telah diteruskan oleh ECERDC, sebanyak 77 (77.8%) projek dan program telah siap manakala baki 22 (22.2%) projek dan program masih dalam pelaksanaan.
  - ii. Daripada 77 projek dan program yang telah siap, sebanyak 67 (87%) siap mengikut tempoh yang ditetapkan manakala **baki 10 (13%) projek dan program siap tidak mengikut tempoh yang ditetapkan.**
  - iii. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.**

**JADUAL 2**  
**PENCAPAIAN PRESTASI KESELURUHAN PROJEK DAN PROGRAM**  
**BAGI TEMPOH RMKe-9 HINGGA RMKe-12**

BIL.	PERUNTUKAN RMK	PROJEK DAN PROGRAM BARU/ SAMBUNGAN	BIL. PROJEK DAN PROGRAM	STATUS PELAKSANAAN PROJEK DAN PROGRAM (SEHINGGA 31 DISEMBER 2022)				
				DITERUSKAN		DALAM PELAKSANAAN	TIDAK DITERUSKAN	
				IKUT TEMPOH	LEWAT TEMPOH			
1.	RMKe-9	Baru	40	34	-	-	6	
		Sambungan	-	-	-	-	-	
2.	RMKe-10	Baru	17	14	-	1	2	
		Sambungan	20	11	6	2	1	
3.	RMKe-11	Baru	16	4	3	8	1	
		Sambungan	5	4	1	-	-	
4.	RMKe-12	Baru	10	-	-	10	-	
		Sambungan	1	-	-	1	-	
JUMLAH KESELURUHAN			109	67	10	22	10	
				77				
				99				

Sumber: Senarai Projek-projek ECER di bawah RMKe-9 hingga RMKe-12 sehingga 31 Disember 2022 (Jadual 2)

- b. Analisis lanjut Audit terhadap 10 projek bernilai RM1.699 bilion yang siap lewat tempoh yang telah ditetapkan mendapat **39 pelanjutan masa (EOT) telah diberi kelulusan melibatkan tempoh masa antara 12 hingga 178 hari. Sebanyak 10 ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) telah dikenakan yang berjumlah RM3.87 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.**

**JADUAL 3  
STATUS PROJEK SIAP LEWAT DARI TEMPOH  
YANG DITETAPKAN BAGI TEMPOH RMKe-9 HINGGA RMKe-12**

BIL.	RMK	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	EOT		LAD	
				BIL.	TEMPOH (Hari)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
1.	RMKe-10 (Sambungan)	6	1,553.74	28	12 hingga 178	9	3.63
2.	RMKe-11	3	81.50	9	19 hingga 84	1	0.24
3.	RMKe-11 (Sambungan)	1	63.44	2	43 hingga 135	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>10</b>	<b>1,698.68</b>	<b>39</b>	<b>12 hingga 178</b>	<b>10</b>	<b>3.87</b>

Sumber: ECERDC

- c. Analisis Audit juga mendapat tiga daripada 22 projek dan program dalam peringkat perancangan, 11 projek dalam peringkat reka bentuk manakala lapan projek di peringkat pembinaan dengan status kemajuan pembinaan antara 4.6% hingga 93.7%. Perincian projek dan program dalam pelaksanaan adalah seperti dalam **Jadual 4.**

**JADUAL 4  
STATUS PROJEK DAN PROGRAM DALAM PELAKSANAAN  
BAGI TEMPOH RMKe-9 HINGGA RMKe-12**

BIL.	RMK	PROJEK DAN PROGRAM BARU / SAMBUNGAN	BIL. PROJEK DAN PROGRAM	STATUS PELAKSANAAN PROJEK DAN PROGRAM			
				PERANCANGAN	REKA BENTUK	PEMBINAAN	
				BILANGAN	PERATUS (%)		
1.	RMKe-10	Baru	1	-	-	1	44.8
		Sambungan	2	-	1	1	92.9
2.	RMKe-11	Baru	8	-	3	5	10.4 – 93.7
		Sambungan	-	-	-	-	-
3.	RMKe-12	Baru	10	3	6	1	4.6
		Sambungan	1	-	1	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>22</b>	<b>3</b>	<b>11</b>	<b>8</b>	<b>4.6 – 93.7</b>

Sumber: ECERDC

d. Analisis lanjut Audit terhadap 22 projek dan program dalam pelaksanaan mendapati **lima projek dan program telah diberikan 16 EOT dengan kelulusan melibatkan tempoh masa antara 17 hingga 734 hari** manakala **lima LAD telah dikenakan berjumlah RM0.81 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5  
PROJEK DAN PROGRAM DALAM PELAKSANAAN  
LEWAT DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL**

<b>BIL.</b>	<b>RMK</b>	<b>BILANGAN PROJEK DAN PROGRAM</b>	<b>KOS PROJEK DAN PROGRAM (RM Juta)</b>	<b>EOT</b>		<b>LAD</b>	
				<b>BIL.</b>	<b>TEMPOH (Hari)</b>	<b>BIL.</b>	<b>JUMLAH (RM Juta)</b>
1.	RMKe-10	1	52.94	3	67 hingga 131	1	0.33
2.	RMKe-10 (Sambungan)	2	274.00	6	27 hingga 734	3	0.37
3.	RMKe-11	2	197.81	7	17 hingga 54	1	0.11
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5</b>	<b>524.75</b>	<b>16</b>	<b>17 hingga 734</b>	<b>5</b>	<b>0.81</b>

Sumber: ECERDC

Nota: Tempoh Kontrak Asal bagi Setiap Projek dan Program Merangkumi Semua Kontrak Pihak Perunding dan Kontraktor yang Terlibat

e. Analisis lanjut mendapati **10 daripada 109 projek tidak dilaksanakan setelah kajian awal dibuat yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM30.44 juta.** Kajian awal dilaksanakan untuk menentukan projek tersebut boleh diteruskan atau tidak diteruskan oleh ECERDC. Antara sebab projek tidak diteruskan adalah seperti lokasi tidak sesuai, dilaksanakan oleh pelabur, kekangan bajet dan projek telah digugurkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

**JADUAL 6  
PERINCIAN PROJEK TIDAK DITERUSKAN BAGI TEMPOH  
RMKe-9 HINGGA RMKe-12**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>KLUSTER</b>	<b>KOS PROJEK (RM Juta)</b>	<b>PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)</b>	<b>PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)</b>	<b>SEBAB TIDAK DITERUSKAN</b>
<b>RMKe-9</b>						
1.	Pembangunan Ladang Pengganda Lembu Tenusu dan Lembah Tenusu (Kuala Berang)	Perniagaan Tani	0.85	0.85	0.85	Dilaksana oleh pelabur swasta
2.	Lembah Sitrus Dungun (Durian Mentangau)	Perniagaan Tani	1.00	1.00	1.00	Lokasi tidak sesuai
3.	Pembangunan Ladang Komersial Industri Makanan (Jerangau)	Perniagaan Tani	1.76	1.76	1.76	Lokasi tidak sesuai
4.	Taman Pengeluaran dan Pemprosesan Ayam Bersepada, Gua Musang	Perniagaan Tani	1.34	1.34	1.34	Laporan yang disediakan oleh pihak perunding tidak memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan oleh ECERDC

BIL.	NAMA PROJEK	KLUSTER	KOS PROJEK (RM Juta)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)	SEBAB TIDAK DITERUSKAN
5.	Pusat Pengeluaran dan Pemasaran Benih Ikan Air Tawar (Raub)	Perniagaan Tani	0.61	0.61	0.61	Lokasi tidak sesuai
6.	Agropolitan Kelantan Utara (NKA)	Perniagaan Tani	2.18	2.18	2.07	Kekangan bajet
<b>RMKe-10</b>						
7.	Taman Herba dan Bioteknologi, Durian Mentangau, Dungun	Perniagaan Tani	3.21	0.00	0.00	Projek telah digugurkan
8.	Taman Pengeluaran dan Pemprosesan Sarang Burung Walit Bersepadu, (Pekan)	Perniagaan Tani	0.90	0.90	0.90	Lokasi tidak sesuai
<b>RMKe-10 (Sambungan)</b>						
9.	Taman Pengeluaran dan Pemprosesan Ayam Bersepadu, Kuantan	Perniagaan Tani	9.84	9.84	9.84	Lokasi projek tidak sesuai untuk pembangunan
<b>RMKe-11</b>						
10.	Akuapolitan Kuala Nerus (Terengganu)	Perniagaan Tani	12.79	12.20	12.07	Projek telah digugurkan
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>34.48</b>	<b>30.68</b>	<b>30.44</b>	

Sumber: ECERDC

### **Maklum balas ECERDC yang diterima pada 15 November 2023 dan 27 Disember 2023**

Dua projek iaitu Projek Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali (Pakej 3) dan Projek Ekopelancongan Taman Negara Endau - Rompin - TNER PETA Rainforest Discovery Centre telah siap sepenuhnya masing-masing pada 31 Julai 2023 dan 18 September 2023.

Terdapat tiga projek yang dikenal pasti sebagai lewat sebelum ini dan status semasa sehingga 30 September 2023 adalah seperti berikut:

- i. Lembah Tenusu Jemaluang: Peratus pembinaan adalah 60.8%. EOT selama 188 hari telah diluluskan pada 16 Februari 2023 dengan tarikh siap baru adalah pada 10 Julai 2024. Projek ini tidak lagi dikategorikan sebagai projek lewat.
- ii. Paip Agihan Air Dari Kemaman, Terengganu Ke Gebeng, Pahang: Pakej 1 dan Pakej 2 tidak dikategorikan sebagai projek lewat kerana masing-masing telah diberikan EOT dengan kelulusan iaitu sebanyak 178 hari dengan tarikh siap baru adalah pada 28 Mac 2024 dan 151 hari dengan tarikh siap baru adalah pada 23 Februari 2024.
- iii. Pembinaan Tanjung Buatan (Artificial Headlands) di Pantai Teluk Lipat: Peratus pembinaan adalah 93.7%. LAD sedang dikenakan kepada pihak kontraktor dengan kadar RM4,300/hari. Sebanyak RM133,000.00 denda LAD telah dikenakan untuk 31 hari. Projek ini dijangka siap pada 31 Mei 2024.

Kesemua 10 projek yang tidak diteruskan berdasarkan kepada hasil penilaian awalan dan kajian kebolehlaksanaan yang dilaksanakan oleh pihak perunding merumuskan seperti berikut:

- i. Kawasan/lokasi tapak projek yang tidak sesuai. Tapak projek merupakan kawasan banjir atau berada di lokasi yang terpencil tanpa infrastruktur dan utiliti yang mencukupi (tapak projek disediakan atau dicadangkan oleh Kerajaan Negeri) akan melibatkan kos pembangunan yang tinggi;
- ii. Pembangunan projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh pelabur swasta seperti Pembangunan Ladang Pengganda Lembu Tenusu dan Lembah Tenusu (Kuala Berang); dan
- iii. Projek yang dilaksanakan tidak akan memenuhi dan mencapai sasaran keberhasilan yang ditetapkan.

**Pendapat Audit** | **Prestasi pencapaian projek dan program yang dirancang oleh ECERDC bagi tempoh RMKe-9 hingga RMKe-12 melebihi 90%. Sebanyak 99 (90.8%) daripada 109 projek dan program telah dilaksanakan dengan 77 projek telah disiapkan. Manakala 22 projek dan program masih dalam pelaksanaan dengan tiga dalam peringkat perancangan, 11 di peringkat reka bentuk dan lapan diperingkat pembinaan.**

### **5.1.2. Status Pelaksanaan Projek dan Program**

- a. Analisis Audit terhadap status pelaksanaan bagi 17 sampel projek dan program sehingga 31 Disember 2022 mendapati perkara berikut:
  - i. Lapan projek dan program siap dalam tempoh pelaksanaan ditetapkan (47.1%).
  - ii. Enam projek dalam peringkat pelaksanaan (35.3%). Daripada jumlah tersebut, satu projek di peringkat perunding, empat projek di peringkat reka bentuk dan baki satu projek di peringkat pembinaan.
  - iii. Tiga projek dengan kos berjumlah RM4.13 juta tidak diteruskan (17.6%).
- b. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**STATUS PELAKSANAAN SAMPEL PROJEK DAN PROGRAM**

BIL.	KLUSTER	BILANGAN PROJEK DAN PROGRAM	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK DAN PROGRAM				TIDAK DITERUSKAN
				SIAP	PERUNDING	DALAM PELAKSANAAN	REKA BENTUK	
1.	Perniagaan Tani	9	1,080.12	5	-	-	1	3
2.	Logistik dan Perkhidmatan	4	1,554.67	1	1	2	-	-
3.	Pembuatan	3	906.83	1	-	2	-	-
4.	Pembangunan Modal Insan	1	69.20	1	-	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>17</b>	<b>3,610.82</b>	<b>8</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>3</b>
						<b>6</b>		

Sumber: ECERDC

**Maklum balas ECERDC yang diterima pada 27 Disember 2023**

Status terkini bagi enam projek dalam peringkat pelaksanaan:

- i. Projek Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali - Projek telah siap pada 31 Julai 2023 dan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) yang bermula 01 Ogos 2023 hingga 31 Julai 2024;
- ii. Projek AGROFOOD@ECER - Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada bulan Jun 2024;
- iii. Projek Taman Industri Kuantan Malaysia – China (MCKIP 3) - Kerja Tanah dan Infrastruktur: kerja pembinaan telah bermula pada 11 Oktober 2023 dan keseluruhan projek dijangka siap pada April 2025;
- iv. Projek Taman Biopolimer Kertih - Kerja pembinaan bagi Pakej 1 telah bermula pada 11 Oktober 2023 dan dijangka siap pada bulan Mei 2024. Manakala bagi Pakej 2, kerja pembinaan dijangka bermula pada bulan Mei 2024;
- v. Projek Taman Industri Tok Bali - Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor dijangka dikeluarkan pada bulan Disember 2023. Kerja pembinaan telah bermula 4 Disember 2023 dan dijangka siap pada bulan Disember 2026; dan
- vi. Projek Kerja-kerja Infrastruktur di Pelabuhan Tok Bali - Keseluruhan pengambilan tanah dijangka akan dimuktamadkan pada Suku Ketiga 2024.

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap Projek Agropolitan di bawah Kluster Perniagaan Tani yang melibatkan Agropolitan Pekan (PAP), Projek Agropolitan Kelantan Selatan (SKA) dan Agropolitan Besut Setiu (BSA) mendapati perkara berikut:

#### i. Pencapaian Pendapatan Peserta

- Perjanjian Tambahan (perlanjutan) antara ECERDC dan FELDA serta Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Agropolitan Kelantan Selatan menyatakan pendapatan isi rumah yang perlu dicapai pada tahun 2017 hingga 2021 ialah antara RM950 hingga RM3,000 mengikut tahun seperti yang telah ditetapkan.
- Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian pendapatan peserta projek agropolitan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 mendapati hanya 13 (43.3%) daripada 30 sasaran pendapatan peserta telah mencapai sasaran yang ditetapkan. **Baki 17 (56.7%) peserta tidak mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8.**

**JADUAL 8  
PENDAPATAN PESERTA PROJEK AGROPOLITAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021**

TAHUN	PENDAPATAN PESERTA (RM)											
	PAP						SKA				BSA	
	BATU 8		RUNCHANG		TANJUNG BATU		FASA 1		FASA 2			
	KPI	SEBENAR	KPI	SEBENAR	KPI	SEBENAR	KPI	SEBENAR	KPI	SEBENAR	KPI	SEBENAR
2017	2,000	1,839*	950	985	2,000	1,708*	1,750	1,700*	1,100	1,000*	2,000	1,643*
2018	2,500	2,574	1,300	2,087	2,500	2,209*	2,000	1,888*	2,000	1,888*	2,500	2,087*
2019	2,500	2,546	1,300	2,039	2,500	2,000*	2,500	2,455*	1,500	1,953	2,500	2,332*
2020	3,000	2,382*	2,500	2,170*	3,000	3,292	2,500	2,990	1,500	2,404	3,000	2,477*
2021	2,500	2,511	2,000	1,893*	2,500	2,938	2,750	3,007	1,650	2,497	2,500	2,404*

Sumber: Perjanjian Tambahan (perlanjutan), Laporan Prestasi Agropolitan dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Agropolitan Kelantan Selatan Tahun 2019 hingga 2021

Nota: KPI Peserta Dikira dari Tahun 2019 hingga 2021 Disebabkan oleh pada Tahun 2022, Projek Agropolitan Diserahkan kepada Agensi/Syarikat Induk

(\*): Pencapaian Sebenar yang Tidak Mencapai KPI yang Ditetapkan

#### Maklum balas ECERDC yang diterima pada 27 Disember 2023

Pendapatan peserta adalah bergantung kepada produktiviti sebenar peserta. Selain itu juga, faktor lain yang menyumbang pendapatan ahli isi rumah. Bilangan ahli isi rumah dan sumbangan yang tidak tetap juga menyumbang kepada perubahan pendapatan ahli isi rumah.

Pendapatan adalah satu indikator untuk pengukuran prestasi. Namun, berdasarkan objektif pelaksanaan Projek Agropolitan bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf sosioekonomi bekas peserta, terdapat juga sub indikator atas hal-hal lain yang lebih menyeluruh seperti hak milik rumah, peningkatan kemahiran bekas peserta, sumbangan pendapatan dari ahli isi rumah yang lain dan meningkatkan pencapaian akademik anak-anak bekas peserta. Penetapan sasaran ataupun KPI sepanjang pelaksanaan program ini adalah sebagai satu inisiatif untuk memastikan bekas peserta terus berusaha meningkatkan pendapatan mereka.

## ii. Pencapaian Pengambilan Peserta Untuk Bekerja

- Perjanjian kerjasama di antara ECERDC dengan KESEDAR dan FELDA telah mensasarkan bilangan peserta untuk ketiga-tiga projek agropolitan ini ialah seramai 2,225 orang peserta. Semakan Audit terhadap pelaksanaan dan penglibatan peserta dalam aktiviti utama mendapati hanya seramai 1,040 (46.7%) peserta yang bekerja dalam projek agropolitan.
- Lawatan Audit pada bulan Mac dan Mei 2023 mendapati 198 (19%) pekerja masih bekerja dalam projek agropolitan berbanding 1,040 peserta sebelum penyerahan projek agropolitan kepada syarikat induk dibuat pada tahun 2022. **Seramai 842 peserta tidak diambil bekerja oleh syarikat induk selepas penyerahan dibuat** disebabkan oleh pengurusan projek dibuat secara komersial dan syarikat induk memerlukan pekerja yang terhad. Ini mengakibatkan peserta yang tidak diambil bekerja tersebut terpaksa mencari peluang pekerjaan di luar kawasan projek agropolitan. Maklumat terperinci pencapaian pengambilan peserta projek agropolitan adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENCAPAIAN PENGAMBILAN PESERTA PROJEK AGROPOLITAN**

BIL.	NAMA PROJEK	LOKASI PROJEK	*BILANGAN PESERTA DISASARKAN MENGIKUT PERJANJIAN	**BILANGAN PESERTA SEBELUM PENYERAHAN (a)	***BILANGAN PESERTA DILANTIK BEKERJA TERKINI (b)	% BILANGAN PEKERJA c=(b/a) x 100	BILANGAN PESERTA TIDAK DIAMBIL BEKERJA (d)=(a)-(b)
1.	PAP	Batu 8, Pekan	1,450	115	25	21.7	90
		Runchang, Pekan		62	18	29.0	44
		Tanjung Batu, Pekan		193	61	31.6	132
2.	BSA	Caluk, Setiu	150	85	35	41.2	50
3.	SKA	Gua Musang	625	585	59	10.1	526
<b>JUMLAH</b>			<b>2,225</b>	<b>1,040</b>	<b>198</b>	<b>19.0</b>	<b>842</b>

Sumber: (\*) - Perjanjian Kerjasama ECERDC dengan KESEDAR dan Perjanjian ECERDC dengan FELDA

(\*\*) - Nota Serah Projek daripada FELDA/KESEDAR kepada Agensi/Syarikat Pelaksana di Awal Pelaksana Projek Agropolitan

(\*\*\*) - Laporan Terkini Agensi/Syarikat Pelaksana Semasa Lawatan Audit pada Bulan Mac dan Mei 2023

## **Maklum balas ECERDC yang diterima pada 30 Ogos 2023 dan 27 Disember 2023**

Susulan daripada pelaksanaan Pelan Kemampanan Agropolitan, KESEDAR dan Syarikat-syarikat Induk hanya memerlukan 487 orang pekerja berbanding jumlah bekas peserta seramai 1,040 orang. ECERDC telah mengenalpasti penempatan dan peluang pekerjaan untuk baki peserta yang tidak terpilih untuk meneruskan kerja di projek agropolitan. Antara lain, 153 peluang pekerjaan di ladang berhampiran seperti di ladang milik KESEDAR, RISDA dan Ladang Yayasan Pahang. Seramai 223 orang peserta memilih untuk bekerja sendiri dan bermiaga/usahawan manakala 45 orang peserta bekerja di luar projek (sekitar dan bandar berhampiran).

Sebanyak 68 peluang pekerjaan disediakan melalui pelaksanaan aktiviti sekunder projek oleh Syarikat Induk. Selain itu, seramai 71 orang peserta telah dikenalpasti tidak mampu untuk bekerja kerana umur melebihi 60 tahun, telah uzur dan tidak produktif serta mempunyai penyakit yang kronik.

Semasa pelaksanaan Pelan Kemampanan Agropolitan, Syarikat Induk telah menawarkan pekerjaan kepada semua bekas peserta projek ternakan Dorper. Bagaimanapun, tidak semua bekas peserta berminat untuk bekerja dengan Syarikat Induk. Baki bekas peserta memilih untuk tidak bekerja dengan Syarikat Induk telah memilih untuk bermiaga/bekerja di luar projek. Projek PAP Tanjung Batu menawarkan 102 peluang pekerjaan, sementara ECERDC berusaha mencari peluang pekerjaan bagi bekas peserta yang tidak berminat dengan Syarikat Induk melalui Yayasan Pahang Plantation Holding (YPPH), tetapi tiada yang berminat.

Walau bagaimanapun, Syarikat Induk menghadapi masalah kewangan bagi projek ternakan Dorper, perjanjian-perjanjian komersial bersama antara ECERDC dan Syarikat Induk telah ditamatkan pada 18 September 2023. Bekas peserta yang bekerja di projek ternakan Dorper telah ditamatkan perkhidmatan pada bulan September 2023. Syarikat Induk masih menggajikan 18 bekas peserta sebelum projek dikosongkan sepenuhnya. Sehingga 30 November 2023, masih terdapat 119 bekas peserta yang bekerja dengan Syarikat Induk/Agensi bagi projek perladangan kelapa sawit.

### **5.1.3. Pencapaian Sebenar Pelaburan Komited, Pelaburan Direalisasi, Peluang Pekerjaan dan Bilangan Usahawan**

- a. Penilaian pencapaian adalah berdasarkan kepada pencapaian EMP 1.0 (tahun 2008 hingga 2017). Bagaimanapun, pencapaian sebenar EMP 2.0 masih belum dapat dinilai disebabkan tempoh pelaksanaan bermula pada tahun 2018 hingga 2025.

- b. Semakan Audit terhadap *Management Dashboard* ECERDC mendapati sasaran EMP 1.0 melibatkan pelaburan komited tercapai berjumlah RM111.562 bilion (101.4%). Bagaimanapun, **ECERDC tidak mencapai sasaran bagi pelaburan direalisasi (RM53.875 bilion), peluang pekerjaan (133,873 pekerjaan) dan bilangan usahawan (29,275 usahawan) berbanding sasaran sebenar yang ditetapkan masing-masing RM66 bilion pelaburan untuk direalisasi, 200,000 peluang pekerjaan dan 60,000 usahawan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10.**

**JADUAL 10  
SASARAN BERBANDING PENCAPAIAN SEBENAR EMP 1.0  
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022**

PERKARA	SASARAN	PENCAPAIAN		
		SEBENAR	(%)	CATATAN
Pelaburan Komited (RM Bilion)	110.000	111.562	101.4	Tercapai
Pelaburan Direalisasi (RM Bilion)	66.000	53.875	81.6	
Peluang Pekerjaan (Orang)	200,000	133,873	66.9	
Bilangan Usahawan (Orang)	60,000	29,275	48.8	Tidak Tercapai

Sumber: *Management Dashboard* ECERDC

Nota: IM - Investor Management  
AGRI - Agribusiness

### Maklum balas ECERDC yang diterima pada 11 dan 30 Ogos 2023 serta 27 Disember 2023

Tidak semua pelaburan komited akan direalisasikan. Nilai pelaburan diambil dan direkodkan secara tahunan dan jumlah pelaburan direalisasi merupakan indikator bahawa projek pelaburan tersebut dilaksanakan. Pelaburan yang tidak dapat direalisasikan disebabkan oleh pelbagai faktor luaran seperti perubahan dalam keadaan pasaran, isu pembiayaan, atau kebolehlaksanaan projek. Penetapan sasaran bagi peluang pekerjaan dan usahawan berdasarkan kepada jangkaan pelaburan bernilai RM1.0 bilion bakal membuka 1,000 peluang pekerjaan dan 100 usahawan. Bagaimanapun, peluang pekerjaan dan usahawan berbeza mengikut sektor dan juga penggunaan teknologi oleh pelabur. Daripada nilai pelaburan komited (di bawah EMP 1.0) berjumlah RM111.5 bilion, sebanyak RM66.2 bilion telah direalisasikan setakat Julai 2023. Hanya terdapat satu pelaburan komited di bawah EMP 1.0 yang akan direalisasi pada tahun 2024.

Mesyuarat Pengurusan ECERDC pada 26 Julai 2023 telah bersetuju agar pelaporan pelaburan yang komited dan direalisasikan di bawah EMP 1.0 akan ditutup selepas pelaburan terakhir berjumlah RM0.4 juta direkodkan. Mesyuarat juga bersetuju hanya pelaporan pelaburan direalisasi bagi EMP 1.0 akan digunakan di masa akan datang, iaitu sebanyak RM66.6 bilion.

Penetapan sasaran dan parameter asal telah berubah mengikut keadaan semasa, sektor, penggunaan teknologi dan perancangan syarikat individu. Kini, keperluan pekerja dilihat berkurangan berbanding dengan projek-projek pelaburan terdahulu kerana pengadaptasian teknologi yang membantu syarikat meningkatkan produktiviti dan selari dengan hasrat Kerajaan dalam meningkatkan penciptaan peluang pekerjaan bernilai tinggi.

#### **5.1.4. Pencapaian Sebenar Peluang Pekerjaan dan Bilangan Usahawan Melibatkan Pembangunan Modal Insan**

Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan **tiada penetapan sasaran dibuat berkaitan Program Pembangunan Modal Insan** melibatkan tiga program teras Pembangunan Modal Insan iaitu Program *Empower ECER* (Akademik serta Latihan dan Kemahiran Keusahawanan), *Entrepreneur ECER* dan *ECER Talent Enhancement Programme* (ETEP ECER). Oleh itu, pencapaian sebenar peluang pekerjaan dan bilangan usahawan untuk **ketiga-tiga program tidak dapat dinilai**.

#### **Maklum balas ECERDC yang diterima pada 15 November 2023**

Di bawah EMP 1.0, sasaran bagi peluang pekerjaan (200,000 orang) dan bilangan usahawan (60,000 orang) ditetapkan secara keseluruhan di peringkat organisasi dan pencapaian dipantau secara berkala setiap tahun. Pemantauan pencapaian ini ditambah baik dalam EMP 2.0 di mana sasaran bagi komponen Pembangunan Modal Insan di bawah peluang pekerjaan adalah seramai 50,881 orang manakala bagi bilangan usahawan adalah seramai 53,600 orang.

#### **5.1.5. Pencapaian Pelaksanaan Sosioekonomi Projek dan Program**

- a. Objektif utama ECERDC adalah untuk meningkatkan pencapaian sosioekonomi di negeri Pantai Timur melalui pelaksanaan projek dan program strategik serta merapatkan jurang sosioekonomi antara penduduk negeri Pantai Timur dan Pantai Barat.
- b. Pihak Audit mendapati **tiada pangkalan data diwujudkan bagi mengukur pencapaian sosioekonomi kumpulan sasar dalam Wilayah ECER. Oleh itu, pencapaian objektif bagi projek dan program yang dilaksanakan tidak dapat diukur**.

## **Maklum balas ECERDC yang diterima pada 27 Disember 2023**

ECERDC melaksanakan tiga program utama Pembangunan Modal Insan iaitu *Empower ECER* (Latihan & Kemahiran Keusahawanan), *Entrepreneur ECER* dan *Reskilling & Upskilling* yang memberi fokus kepada golongan B40. Data dan maklumat berkaitan dengan sosioekonomi seperti jumlah pendapatan peserta sebelum dan selepas program, jumlah pinjaman diluluskan dan hasil jualan direkodkan berdasarkan kepada program yang dilaksanakan. Kesemua data-data ini adalah menggunakan sistem dalaman ECERDC Dashboard bagi tujuan pengumpulan dan pemantauan. Data-data ini adalah untuk Pelaburan, Pembangunan Modal Insan dan Perniagaan Tani. Seterusnya, ECERDC akan mengguna pakai Pangkalan Data Utama (PADU) yang akan dilaksanakan bermula pada 2 Januari 2024. PADU akan membolehkan ECERDC mendapatkan data-data berkaitan daripada semua agensi yang terlibat dan pada masa yang sama membolehkan ECERDC berkongsi data dengan agensi-agensi yang telah mempunyai pangkalan data.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Sasaran prestasi bagi pelaburan direalisasi, peluang pekerjaan dan bilangan usahawan bagi projek dan program seperti yang ditetapkan dalam EMP 1.0 tidak tercapai. Pihak ECERDC juga tidak mempunyai pangkalan data bagi memantau pendapatan isi rumah dan garis kemiskinan di Wilayah ECER. Justeru, ECERDC tiada kaedah pengukuran yang tepat bagi mengenal pasti kadar kemiskinan dan pendapatan penduduk negeri-negeri Pantai Timur.</b>
-----------------------	---

### **5.1.6. Pengurusan Projek dan Program**

#### **5.1.6.1. Peruntukan dan Perbelanjaan**

- a. Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM8.015 bilion kepada ECERDC bagi melaksanakan projek dan program di bawah RMKe-9 hingga RMKe-12. Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, sejumlah RM6.762 bilion (84%) telah diterima sehingga 31 Disember 2022.
- b. Sejumlah RM6.557 bilion (97%) telah dibelanjakan manakala baki sejumlah RM204.11 juta (3%) masih belum dibelanjakan. Ia adalah untuk projek yang masih dalam perancangan, dalam pelaksanaan serta projek yang telah siap tetapi akaun akhir sedang dimuktamadkan.
- c. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT KLUSTER**  
**BAGI TEMPOH RMKe-9 HINGGA RMKe-12**

BIL.	KLUSTER	KOS PROJEK DAN PROGRAM (RM Juta)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN BELUM DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN BELUM DIBELANJA (RM Juta)
		(a)	(b)	(c) = (a)-(b)	(d)	(e)=(b)-(d)
1.	Perniagaan Tani	1,492.44	1,443.63	48.81	1,350.34	93.29
2.	Minyak, Gas, dan Petrokimia	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Pelancongan	526.33	507.09	19.24	468.54	38.55
4.	Logistik dan Perkhidmatan	3,859.72	3,192.14	667.58	3,132.09	60.05
5.	Pembuatan	1,669.54	1,208.09	461.45	1,162.08	46.01
6.	Pembangunan Modal Insan	466.75	410.65	56.10	444.44	-33.79
<b>JUMLAH</b>		<b>8,014.78</b>	<b>6,761.60</b>	<b>1,253.18</b>	<b>6,557.49</b>	<b>204.11</b>

Sumber: ECERDC

**Maklum balas ECERDC yang diterima pada 15 November 2023 dan 27 Disember 2023**

Bagi Program Pembangunan Modal Insan, perbelanjaan yang melebihi peruntukan diterima adalah di bawah RMKe-11. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan ini tidak melebihi kos keseluruhan projek yang telah diluluskan. *Shortfall* peruntukan di atas telah pun dibincangkan dengan Kementerian Pengawal iaitu Jabatan Perdana Menteri (2020 – Disember 2022) dan Kementerian Ekonomi (Januari 2023 hingga sekarang).

Peruntukan yang masih belum dibelanjakan sepenuhnya, adalah melibatkan baki sebanyak RM204.11 juta (3%), memandangkan projek-projek serta program yang terbabit berada di pelbagai peringkat pelaksanaan sebelum keseluruhan kontrak dimuktamadkan. Peruntukan yang belum dibelanjakan ini adalah untuk kegunaan yang telah dikenal pasti merangkumi bayaran akhir kontraktor/perunding/penyedia perkhidmatan, *Agropolitan Sustainability Program*, *Tasik Chini Sustainability Program* dan kos yang diperuntukkan untuk proses litigasi. Selain itu, projek dalam perancangan adalah termasuk projek-projek yang sedang dalam proses tender.

**Pendapat Audit** | **Prestasi peruntukan dan perbelanjaan projek dan program ECERDC adalah memuaskan, walaupun baki sejumlah RM204.11 juta masih belum dibelanjakan daripada RM6.762 bilion yang telah diterima.**

### **5.1.7. Pentadbiran dan Pengurusan Projek**

#### **a. Pengisian Plot-plot Perindustrian**

- i. Projek Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali (TBIFP) telah dikenal pasti dalam EMP 1.0 sebagai salah satu Projek Pembangunan dan Naik Taraf Industri Perikanan di Tok Bali. Pembangunan projek melibatkan Fasa 1A dan Fasa 1B dengan kos berjumlah RM67.60 juta dan berkeluasan 34.38 ekar. Semakan lanjut Audit mendapati sebanyak 14 plot Perindustrian disediakan bagi kedua-dua fasa tersebut. Bagaimanapun, hanya **satu plot perindustrian kini diisi dan 13 plot perindustrian masih kosong semenjak diserahkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada tahun 2017.**
- ii. Projek Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP 3) pula berkeluasan 1,786.20 ekar dengan kos keseluruhan berjumlah RM178.76 juta melibatkan 19 plot perindustrian. Daripada jumlah tersebut, hanya **satu plot perindustrian diisi manakala 18 plot perindustrian lagi masih kosong sejak tahun 2017.** Semakan lanjut Audit mendapati **pendapatan terkumpul yang dijana hasil daripada Projek MCKIP 3 sehingga bulan Februari 2023 hanya berjumlah RM2.54 juta (1.4%) berbanding kos peruntukan keseluruhan.** Selain itu, kos penyenggaraan Projek MCKIP 3 dari tahun 2019 hingga bulan September 2023 berjumlah RM28.39 juta.
- iii. Pembangunan Projek Taman Biopolimer Kertih (KBP) Fasa 1 hingga 3 pula melibatkan keluasan 619.15 ekar dengan kos keseluruhan sehingga 31 Disember 2022 berjumlah RM608.07 juta. Semakan Audit mendapati terdapat 10 plot perindustrian di KBP. Daripada jumlah tersebut, hanya **empat plot perindustrian telah diisi manakala enam plot perindustrian masih kosong sejak tahun 2022.** Semakan lanjut Audit mendapati **pendapatan terkumpul yang dijana hasil daripada projek KBP sehingga bulan Februari 2023 hanya berjumlah RM2.20 juta (0.4%) berbanding kos peruntukan keseluruhan.** Selain itu, kos penyenggaraan Pembangunan KBP Fasa 1 hingga 3 dari tahun 2019 hingga bulan September 2023 berjumlah RM4.66 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12**  
**PENGISIAN PLOT-PLOT PERINDUSTRIAN**

BIL.	PROJEK	KOS (RM Juta)	KELUASAN (Ekar)	BIL. LOT PERINDUSTRIAN			PULANGAN PELABURAN	KOS PENYENGARAAN (RM Juta)
				KESELURUHAN	ISI	KOSONG		
				(a)=(b)+(c)	(b)	(c)		
1.	Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali (TBIFP)	67.60	34.38	14	1	13	Tiada pendapatan terkumpul yang dijana hasil sehingga 28 Februari 2023	4.07*
2.	Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP 3)	178.76	1,786.20	19	1	18	Pendapatan terkumpul sehingga Februari 2023 berjumlah RM2.54 juta	28.39**
3.	Taman Biopolimer Kerith (KBP)	608.07	619.15	10	4	6	Pendapatan terkumpul sehingga Februari 2023 berjumlah RM2.20 juta	4.66**

Sumber: ECERDC

Nota: (\*) - Tempoh Tahun 2018 sehingga Bulan April 2023. Kos yang Ditanggung oleh LKIM untuk Keseluruhan Kompleks Pelabuhan Perikanan, LKIM

(\*\*) - Tempoh Tahun 2019 sehingga Bulan September 2023

**Maklum balas ECERDC yang diterima pada 30 Ogos 2023 dan 27 Disember 2023**

a. Projek TBIFP

- i. ECERDC telah mengadakan libat urus dengan 184 syarikat termasuk 36 syarikat dari Thailand dan usahasama antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan dengan LKIM, tetapi hanya empat syarikat yang telah menandatangani surat tawaran untuk pembangunan di TBIFP. ECERDC juga mengambil langkah menuju Tok Bali *Implementation Committee* yang melibatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Jabatan Perikanan Malaysia (DoF), LKIM dan NEKMAT telah dibentuk untuk melihat keseluruhan pembangunan serta pengisian di TBIFP. Seterusnya ECERDC telah dan sedang mengadakan libat urus dengan syarikat-syarikat perikanan di dalam *database* ECERDC. Setakat bulan Ogos 2023, ianya melibatkan 32 syarikat.
- ii. Kos sebanyak RM4.08 juta adalah perbelanjaan operasi oleh LKIM untuk mentadbir urus Kompleks Perikanan LKIM Tok Bali, Kelantan sepanjang tahun 2018 hingga 2023 yang merangkumi kedua-dua komponen pembangunan oleh LKIM (jeti pendaratan ikan, pejabat LKIM, bangunan IKS, kantin dan kedai, surau dan dewan membaiki pukat) dan ECERDC (tangki air, menaik taraf jalan raya, menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan dan pembangunan Pencawang Pembahagian Utama).

b. Projek MCKIP 3

- i. Empat daripada 19 petak tanah perindustrian iaitu Lot 16 hingga 19 ditandakan sebagai plot komersial. Plot komersial masih belum dibangunkan kerana strategi bagi taman industri ini adalah untuk diisi dengan pelabur terlebih dahulu bagi meningkatkan permintaan pasaran untuk keperluan komersial dan meningkatkan nilai tanah. Bagaimanapun 13 plot perindustrian telah mempunyai komitmen masing-masing seperti syarikat telah mengemukakan *Letter of Intent* (LOI) kepada ECERDC bagi tiga plot, syarikat bercadang untuk mengembangkan operasi kepada aktiviti kitar semula bateri kenderaan untuk dua plot, syarikat bercadang untuk membangunkan *green hydrogen production* untuk satu plot, syarikat telah mendapatkan topografi bagi tiga plot. Di samping itu, ECERDC telah mengemukakan *Commercial Proposal* kepada syarikat untuk melabur di satu plot dan pelabur sedang memuktamadkan keputusan mereka manakala satu plot telah dijual kepada syarikat tetapi syarikat mohon penangguhan bagi tandatangan perjanjian jual beli.
- ii. Sehingga 27 Disember 2023, sebanyak RM400 juta (iaitu melebihi jumlah kos projek sebanyak RM178.76 juta) pelaburan telah direalisasi dengan jumlah pekerjaan sebanyak 400 pekerja. Satu plot telah beroperasi dengan nilai pelaburan sebanyak RM400 juta dan 18 plot lagi mempunyai pelaburan komited dan berpotensi dengan anggaran pelaburan sebanyak RM2.9 bilion. Untuk makluman, tiada penetapan sasaran untuk jumlah kos pembangunan perlu direalisasi kerana tujuan utama adalah untuk penarikan pelaburan swasta. Secara keseluruhan, jumlah pelaburan termasuk pelaburan berpotensi adalah dianggarkan berjumlah RM3.3 bilion berbanding dengan jumlah kos projek sebanyak RM178.76 juta iaitu 18 kali ganda pulangan kos projek. ECERDC telah menjana pendapatan berjumlah RM24.6 juta dan membelanjakan RM22.13 juta untuk mengoperasikan MCKIP 3 dan pendapatan terkumpul sebanyak RM2.54 juta.

c. Projek KBP

- i. Terdapat enam plot perindustrian yang kosong kini telah mempunyai komitmen di mana satu yarikat telah menghantar surat tunjuk minat pada 20 September 2023 bagi pelaburan di dua plot. Satu plot dalam proses untuk memuktamadkan jualan kepada pemilik baharu iaitu Menteri Besar, Terengganu (Incorporated), satu syarikat telah menandatangani perjanjian pajakan pada 19 Disember 2022 untuk dua plot dan surat tawaran pajakan untuk satu plot telah ditawarkan kepada satu syarikat pada 7 September 2023.

- d. Sehingga 27 Disember 2023, sebanyak RM5.066 bilion (iaitu melebihi jumlah kos projek sebanyak RM608.07 juta) pelaburan telah direalisasi dengan jumlah pekerjaan sebanyak 1,716 pekerja. Untuk makluman, tiada penetapan sasaran untuk jumlah kos pembangunan perlu direalisasi kerana tujuan utama adalah untuk penarikan pelaburan swasta. Secara keseluruhan, jumlah pelaburan termasuk pelaburan berpotensi adalah dianggarkan berjumlah RM5.65 bilion berbanding dengan jumlah kos projek sebanyak RM608.07 juta iaitu sembilan kali ganda pulangan kos projek. ECERDC telah menjana pendapatan berjumlah RM3.85 juta dan membelanjakan RM1.65 juta untuk mengoperasikan KBP dan pendapatan terkumpul sebanyak RM2.20 juta.

#### **Maklum balas MIDA yang diterima pada 9 Mei 2024**

- i. ECERDC perlu memberi perhatian kepada aspek-aspek utama yang menjadi faktor utama bagi para pelabur untuk membuat keputusan pelaburan, seperti kestabilan bekalan elektrik, ketersediaan Tenaga Boleh Baharu (TBB), ketersediaan bekalan air dan ketersediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya.
- ii. MITI dan MIDA akan meneruskan kerjasama strategik dengan pihak ECERDC dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti promosi bagi pengisian plot-perindustrian.
- iii. Teguran JAN mengenai prestasi pengisian plot akan diperhalusi dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Khas 5 (Pelaburan dan Pembangunan Koridor) untuk Projek ECRL yang dipengerusikan oleh MITI, supaya pendekatan dan pelan tindakan yang bersesuaian dapat dikenal pasti untuk dilaksanakan.

**Pendapat | Prestasi pengisian plot perindustrian ECERDC adalah kurang Audit** memuaskan iaitu hanya enam atau 14% daripada 43 plot perindustrian diisi dengan pelabur. Perkara ini boleh menyumbang kepada ketidakcapaian objektif projek yang telah ditetapkan.

#### **b. Infrastruktur Projek Telah Siap Tetapi Tidak Digunakan**

- i. Lawatan fizikal Audit pada 7 Mac 2023 mendapati Projek Pembangunan Ladang Komersial Kambing di Ulu Tersat, Terengganu tidak digunakan seperti yang telah dirancang. Projek ini telah siap dibina pada tahun 2009. Semakan Audit mendapati **infrastruktur seperti Animal Production Unit (APU), stor dan rumah pekerja bernilai RM4.03 juta di tapak projek berkenaan tidak digunakan semenjak tahun 2011**. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**

Jalan Utama Ke Tapak Projek  
- Ketiadaan Jalan yang Sempurna ke Tapak Projek  
(07.03.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**

APU  
- APU yang Tidak Digunakan  
(07.03.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**

Stor  
- Stor yang Tidak Digunakan  
(07.03.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**

Rumah Pekerja  
- Rumah Pekerja yang Tidak Digunakan  
(07.03.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Pihak Audit juga mendapati tiada Kebenaran Merancang (KM) diperoleh bagi projek ini. Semakan Audit seterusnya mendapati projek tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada 3 Julai 2020.

### **Maklum balas ECERDC yang diterima pada 11 dan 30 Ogos 2023**

Projek ini merupakan projek 'Quick Win'. Pelaksanaan untuk membangunkan ladang ternakan di Ulu Tersat dijalankan setelah memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di mana Permit Sementara dikeluarkan tanpa kelulusan KM pada 24 Ogos 2009 dan tamat pada 31 Disember 2009. Fasa pembinaan bermula pada bulan Mac 2009 dan siap pada bulan November 2009. Pada 14 Jun 2010, Syarikat 12221-W telah dilantik sebagai Syarikat Induk untuk mengurus dan mengoperasi Ladang Ulu Tersat dengan ternakan sebanyak 452 ekor kambing jenis Boer. Isu banjir di Ladang Ulu Tersat telah mengakibatkan masalah kesihatan ternakan merosot dan berlaku banyak kematian kambing dan kesemua ternakan telah dipindahkan ke Ladang Telaga Papan bagi mengelakkan lebih banyak kematian berlaku. Selepas itu tiada operasi dijalankan di Ladang Ulu Tersat tersebut. Akibat masalah yang dihadapi, perjanjian komersial asal bersama Syarikat 12221-W yang sepatutnya untuk tempoh lima tahun ditamatkan secara bersama pada 15 November 2011.

Pada tahun 2014, ECERDC telah memasukkan Ladang Ulu Tersat ke dalam operasi Projek Kuala Berang Sheep Breeding And Innovation Centre (KBSBIC) yang terletak bersebelahan dengan projek ini. Syarikat 740884-V dilantik sebagai Syarikat Induk bagi projek KBSBIC melalui perjanjian komersial bertarikh 5 November 2014. Namun, Syarikat Induk tidak dapat beroperasi sepenuhnya akibat isu sewaan tanah dengan JPV dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Pada November 2019, isu tanah di antara Syarikat Induk, ECERDC dan JKPTG selesai apabila mendapat kelulusan Kabinet (tidak termasuk tanah yang melibatkan Ladang Ulu Tersat).

### **Maklum balas JPV yang diterima pada 27 Disember 2023**

Berhubung pengoperasian di unit kandang tersebut, JPV telah mengalami kesulitan untuk mendapatkan pengusaha yang berminat sejak diambil alih pada tahun 2020. Ini disebabkan lokasi dan jarak infrastruktur dari kemudahan jalan utama menyebabkan kesulitan di peringkat pengurusan projek terutama aktiviti keluar masuk ke tapak.

Permohonan syarikat 1324180-K untuk menyewa kompleks kandang kambing Tersat pada 29 Mei 2023. Penilaian permohonan Syarikat 1324180-K di dalam Jawatankuasa Pengurusan TKPR Bil. 1/2023 pada 12 Jun 2023. Ahli Jawatankuasa Mesyuarat menyokong dan mengesyorkan permohonan syarikat 1324180-K bagi penyewaan lima unit kandang kambing ECER dan tapak tanah di Lot PT G1469 HSD 120 Mukim Hulu Berang, Hulu Terengganu, Terengganu berkeluasan 23.6 hektar berdasarkan kepada markah penilaian.

Permohonan penyewaan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Ruang Bangunan Jabatan (JPTRB) Bil. 2/2023 pada 13 Jun 2023 dan disyorkan untuk pembentangan di JPTRB KPKM serta mendapat kelulusan pada 29 November 2023. Surat tawaran dikeluarkan kepada syarikat tersebut dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024.

## **c. Infrastruktur Rosak dan Tidak Boleh Digunakan**

### **i. Projek Agropolitan Besut Setiu (BSA)**

- Pada tahun 2013, sebanyak 52 APU telah dibina di projek Agropolitan Besut Setiu (BSA) dengan kos berjumlah RM13.41 juta. Daripada 52 APU tersebut sebanyak 30 APU telah digunakan semenjak bulan Mei 2013 manakala 22 APU tidak digunakan disebabkan terdapat kerosakan struktur. Bagaimanapun, 22 APU tersebut telah digunakan pada tahun 2016 selepas APU tersebut dibaiki dan isu timbang tara selesai.
- Pada tahun 2018, sebanyak tiga APU tambahan baharu telah disiapkan di lokasi projek dengan kos berjumlah RM4.84 juta. Pembinaan tiga APU

tambahan baru menjadikan jumlah keseluruhan APU yang telah dibina di lokasi projek adalah sebanyak 55 APU dengan kos keseluruhan berjumlah RM18.25 juta.

- Semakan fizikal teknikal Audit pada bulan Mei 2023 di lokasi tersebut mendapati 30 APU rosak dan tidak boleh digunakan bernilai RM7.58 juta manakala baki 25 APU masih boleh digunakan. Semakan Audit lanjut mendapati daripada 25 APU yang boleh digunakan tersebut hanya tiga APU saja yang digunakan manakala baki 22 APU tidak digunakan bernilai RM5.83 juta berikutan kapasiti bilangan ternakan yang semakin berkurangan iaitu sebanyak 1,049 ekor ternakan pada bulan Mei 2023.
- Kerosakan berlaku disebabkan oleh keretakan pada struktur rasuk dan tiang konkrit APU serta pemendapan tidak sekata berlaku pada atas cerucuk di struktur binaan APU.
- Semakan teknikal Audit selanjutnya terhadap laporan Akhir Rev 2 *Remedial Works for BSA Project* yang disediakan oleh perunding pada tahun 2015 mendapati **tiada rekod berkaitan kerja-kerja rawatan tanah pada skop kerja pembinaan APU** di bawah skop kontrak Projek BSA. Selain itu, terdapat **kerosakan yang berlaku disebabkan pembinaan tidak mengikut lukisan pembinaan.**
- Semakan teknikal Audit terhadap Laporan Geoteknikal yang dilaksanakan oleh perunding bagi skop awam dan struktur bagi kajian awal Projek BSA pada tahun 2010 menyatakan bahawa kerja-kerja berkaitan rawatan tanah seperti kerja *surcharge* perlu dilaksanakan dalam skop kontrak Projek BSA. Bagaimanapun, berdasarkan skop kontrak Projek BSA, didapati **tiada kerja-kerja berkaitan rawatan tanah dinyatakan.** Ini menyebabkan berlakunya keretakan dan pemendapan tanah seperti dalam **Gambar 5 hingga Gambar 8.**

**GAMBAR 5**



APU Zon A – A6, Projek Agropolitan Besut Setiu  
- Keretakan dan Pecah pada Rasuk Konkrit  
(24.05.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



APU Zon A – A6, Projek Agropolitan Besut Setiu  
- Pemendapan Tanah Berlaku di Sekeliling Struktur APU  
(24.05.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**



APU Zon A – A1, Projek Agropolitan Besut Setiu  
- Keretakan dan Pecah pada Tiang Konkrit  
(24.05.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



APU Zon B – B4 dan B6, Projek Agropolitan Besut Setiu  
- Pemendapan Tanah di Bahagian Lantai bawah APU  
(24.05.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Pemendapan juga berlaku pada **39 (39.8%) daripada 98 buah rumah** di kawasan kuarters perumahan projek BSA yang menempatkan peserta projek. Ukuran perbezaan mendapan di tapak mencapai sehingga 580mm dari aras lantai rumah yang mengakibatkan kesukaran kepada penghuni untuk masuk ke rumah dan risiko keselamatan. Bagaimanapun, secara keseluruhannya kuarters masih didiami oleh peserta. Mendapan tanah sekeliling rumah seperti dalam **Gambar 9** dan **Gambar 10**.

**GAMBAR 9**



Kuarters Projek Agropolitan Besut Setiu  
- Pemendapan Tanah di Sekeliling Kawasan Rumah  
(24.05.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



Kuarters Projek Agropolitan Besut Setiu  
- Pemendapan Tanah di Sekeliling Kawasan Rumah  
(24.05.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum balas ECERDC yang diterima pada 30 Ogos 2023

Keretakan telah disiasat oleh Jururunding 97905-U dan penyelesaian telah dilaksanakan oleh Jururunding 0306812-M. Selepas pembaikan, proses pemendapan tanah berterusan tetapi struktur boleh digunakan dengan penyelenggaraan berkala. Bagaimanapun, keretakan baru telah ditemui pada tahun 2022 disebabkan oleh kakisan kepada tetulang keluli dalam struktur konkrit akibat keasidan yang tinggi dalam cecair yang meresap ke dalam konkrit. ECERDC sedang mengkaji cara untuk memulihkan kesemua APU yang didapati retak dan tidak selamat digunakan. Selain itu, pemendapan menyeluruh juga terjadi di kawasan projek BSA, termasuk kuarters

perumahan. Di kawasan kuarters perumahan, keadaan ini boleh ditambah baik dengan mengadakan tangga di pintu masuk setiap rumah. ECERDC juga mengambil inisiatif untuk membuat pembaikan pada struktur tanah dan rumah bekas peserta.

ECERDC sedang dalam proses mendapatkan khidmat Unit Forensik, Jabatan Kerja Raya (JKR) Terengganu bagi memberi pandangan kedua serta cadangan pembaikan sekiranya perlu. Sebarang kerja-kerja pembaikan serta tempoh yang diperlukan akan bergantung kepada cadangan pembaikan dalam laporan akhir pihak JKR. Laporan akhir JKR Forensik dijangka dimuktamadkan pada penghujung bulan Disember 2023. Sebelum ini, pemeriksaan tapak telah dijadualkan pada bulan November 2023, namun ia ditangguh kerana banjir di daerah Setiu dan akan dilaksanakan setelah situasi banjir di Setiu reda. Pemeriksaan ini dirancang diadakan pada bulan Januari 2024 dan laporan lengkap dijangka siap pada bulan Mei 2024.

## **ii. Projek Ladang Pengganda Telaga Papan, Terengganu**

- Semakan fizikal Audit terhadap Projek Ladang Pengganda di Telaga Papan pada bulan Mac 2023 mendapati sebanyak 13 APU telah mengalami kerosakan struktur berpunca daripada kejadian banjir yang berlaku pada setiap tahun di kawasan tersebut. Kerosakan ini menyebabkan APU tersebut tidak selamat digunakan bagi ternakan dan pekerja ladang. Semakan Audit lanjut mendapati **tiada KM yang diluluskan oleh PBT bagi projek tersebut**. Semakan juga mendapati pada tahun 2017 sebanyak empat APU baharu telah dibina dengan kos berjumlah RM0.90 juta bagi mengantikan APU yang rosak tersebut.

### **Maklum balas ECERDC yang diterima pada 30 Ogos 2023**

Pelaksanaan untuk membangunkan ladang ternakan di Telaga Papan dijalankan setelah memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di mana Permit Sementara dikeluarkan tanpa kelulusan KM pada 24 Ogos 2009 dan tamat pada 31 Disember 2009. Bagaimanapun, pihak perunding telah menyediakan dokumen KM untuk 13 unit APU (lama) namun menangguhkan penyerahannya kerana isu pemilikan tanah belum selesai. Tiada tindakan diambil selepas itu. Seterusnya pada 3 Mac 2020, pihak perunding yang baru telah membuat permohonan baharu untuk KM dan Pelan Bangunan bagi cadangan membina empat unit APU baharu. Pihak PBT menolak permohonan tersebut kerana tidak memenuhi syarat Agensi Teknikal selain ketiadaan Pelan keseluruhan Ladang Komersial Telaga Papan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC). Syarikat Induk tidak meneruskan sebarang tindakan selepas itu sehingga kontrak mereka tamat pada 2 Disember 2022. Bagi menyelesaikan isu berkaitan KM tersebut, ECERDC telah memulakan perbincangan lanjut bersama

pihak PLANMalaysia Terengganu dan PBT. ECERDC telah membuat permohonan baharu dengan melantik pihak perunding untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan penyediaan dan penyerahan dokumen KM pada bulan Ogos 2023 dan KM dijangka diperolehi pada bulan Mac 2024.

**Pendapat Audit** | **Infrastruktur projek yang telah siap tetapi tidak digunakan menyebabkan projek berkenaan tidak dapat memberi manfaat kepada penduduk di Wilayah ECER.**

## 6. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Ekonomi, ECERDC dan pihak berkaitan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. Mengkaji semula objektif, fungsi dan peranan ECERDC dalam memastikan projek dan program yang dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan, keadaan dan keperluan semasa agar dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasar, mencapai objektif yang berkesan dan tidak menjelaskan pulangan kepada Kerajaan;
- 6.2. Menetapkan kaedah pengukuran dan mewujudkan pangkalan data pencapaian sosiekonomi kumpulan sasar bagi mengenalpasti kadar kemiskinan dan pendapatan penduduk di wilayah ECER bagi memastikan objektif penubuhan ECERDC tercapai; dan
- 6.3. Melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat dalam merangka strategi dan mempergiatkan lagi aktiviti promosi bagi menarik pelabur di plot-plot perindustrian dan Syarikat Induk bagi projek Agropolitan.

